

PERHATIAN
PLEASE NOTE

BERNAMA
EMBARGO

PEN. 3/78/29 (TPM)

Tidak boleh disiarkan sebelum pukul
8.30 malam pada 6hb. Mac, 1978.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BERUCAP
DI MAJLIS MAKAN MALAM JUBLI EMAS

Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Majlis Jamuan Makan Malam Jubli Emas anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor, pada hari Isnin 6hb. Mac, 1978, di Hotel Merlin, Kuala Lumpur, jam 8.00 malam.

Saya berbesar hati kerana dijemput untuk turut serta menyambut ulangtahun yang ke 50 penubuhan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor. Ini adalah kali pertama saya dapat hadir di upacara yang seumpama ini sejak saya mengambil alih tugas-tugas Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada awal tahun ini. Upacara ini memberi peluang kepada saya untuk bertemu muka dengan sebilangan besar peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kenamaan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor khasnya dan Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan India Malaysia amnya. Dalam menjalankan tugas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, saya anggap pengenalan dengan tokoh-tokoh pengusaha dan peniaga amatlah penting untuk memberi maklumat yang tepat terhadap suasana ekonomi dan pelaburan di negara ini.

Saya tertarik hati dan kagum dengan peranan yang dimainkan oleh peniaga-peniaga Malaysia keturunan India dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan kepada pembangunan ekonomi negara terutama sekali di bidang eksport/impot dan perniagaan runcit jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Malaysia keturunan India yang cuma 9% sahaja. Saudagar-saudagar Malaysia keturunan India telah memainkan peranan yang aktif di bidang eksport/impot barang-barang di negara ini sejak awal abad yang ke 20 lagi. Saya telah difahamkan beberapa jenis barang seperti beras, kain sutera, bawang dan lain-lain adalah pada suatu masa dimonopoli oleh saudagar Malaysia keturunan India di waktu pemerintahan Jepun. Ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor telah memainkan peranan yang penting di bidang pengedaran barang-barang tersebut. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengasas Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor di atas dayausaha dan kepimpinan yang telah mereka tunjuk sejak ianya ditubuhkan iaitu pada tahun 1928. Biantara pemimpin Dewan yang terkenal yang ingin saya sebutkan di sini ialah Allahyarham Tuan Haji R.E. Mohd. Kassim, JP Pengasas Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor dan beberapa orang yang lain seperti Tuan Haji V.P. Peer Mohd., Encik C.J. Doshi, Encik Vaguwan Singh dan lain-lain. Selain daripada menitik-beratkan soal-soal perniagaan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor juga menitik-beratkan peranan yang aktif di dalam berbagai-bagai jenis kerja-kerja kebajikan masyarakat seperti penubuhan sebuah tabung biasiswa yang pada hari ini telah mengeluarkan bantuan lebih daripada \$5,000/- untuk faedah ahli-ahlinya. Lain-lain kegiatan kebajikan oleh Dewan termasuklah sumbangan-sumbangan Dewan kepada tabung bencana negara, sumbangan kepada tabung bantuan bencana banjir dan penyertaan Dewan di perayaan Hari Wilayah. Selain daripada itu

(tambahan)

saya juga telah dimaklumkan bahawa ahli-ahli Dewan adalah dari semasa ke semasa memberi kerjasama rapat kepada pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan Kerajaan untuk pelaksanaan projek-projek dan rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Hari ini kita telah sampai ke pertengahan tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan usaha-usaha sedang dibuat untuk mengkaji pelaksanaan rancangan tersebut. Disini suka saya menegaskan iaitu walau apa pun tingkat prestasi yang akan diperolehi dari hasil kajian pertengahan penggal itu setiap pehak adalah perlu menggiatkan penglibatan dan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu. Memandang peranan yang telah ditentukan dalam RMT bagi pihak Swasta Dewan Perniagaan India sudah tentu mempunyai tugas yang sama berat dengan lain-lain golongan bagi menjayakan matlamat-matlamat RMT. Di samping itu Dewan mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan asas dan hasrat dasar Ekonomi Baru kerana kecapaian matlamat D.E.F. mempunyai implikasi yang besar bagi menentukan ekonomi yang stabil bagi negara kita. Kaum peniaga dan pengusaha tentu tahu peranan ekonomi yang stabil dan menjayakan perniagaan mereka.

Saya suka menyentuh sedikit mengenai penyertaan rakyat Malaysia keturunan India di dalam sektor guna-tenaga dan penyertaan iquiti di dalam syarikat-syarikat pengilangan yang dilaksanakan dan yang berdaftar di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kajian-kajian yang telah dijalankan membuktikan yang penyertaan iquiti dan guna-tenaga rakyat Malaysia keturunan India di dalam keseluruhan sektor pekilangan adalah menggalakkan. Penyertaan iquiti sehingga tahun 1975 adalah sebanyak kira-kira \$16.6 juta dari keseluruhan jumlah iquiti iaitu sebanyak \$1,355.6 juta. Dibidang pekerjaan pula sejumlah kira-kira 22,885 orang pekerja itu lebih daripada 10.9% dari keseluruhan tenaga kerja di syarikat-syarikat pekilangan yang telah dilaksanakan adalah dari rakyat Malaysia keturunan India. Jumlah ini amatlah menggalakkan sekiranya diambilkira bilangan rakyat Malaysia keturunan India yang selama ini terkenal giat berkecimpung di dalam bidang perdagangan dan professional. Oleh yang demikian adalah menjadi harapan Kerajaan supaya Dewan-dewan Perniagaan India dan Gabungan Dewan Perniagaan India Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif untuk bekerjasama dengan pehak Kerajaan di dalam menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia keturunan India di sektor pekilangan dan perindustrian.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi peranan Dewan-dewan Perniagaan India dan sumbangan-sumbangannya ke masyarakat keturunan India di negara ini adalah luas dan meliputi usaha-usaha mengumpul sumber kewangan, kemahiran bakal usahawan dan lain-lain lagi di kalangan anggota-anggotanya. Usaha-usaha tersebut adalah di antara yang produktif yang boleh dilaksanakan. Saya percaya Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Selangor telahpun menyusun dan mengatur tindakan-tindakan dan kegiatan yang akan terus diambil dan saya berharap usaha-usaha itu akan dapat dijalankan dengan lancar sebagaimana yang telah dicapai di masa-masa yang lampau.

Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana kesudian Dewan menjemput saya untuk turut sama hadir dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam acara ini.

KUALA LUMPUR,
6hb. Mac, 1978

(dikeluarkan pada pukul 5.30 petang)

MSR/abs
